



PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Simposium Berkenaan Jenayah Berhubung Keselamatan Negara: Menilai Semula Keberkesanan Undang-undang dalam Mendepani Ancaman Semasa dan Hala Tuju Masa Hadapan

Rabu, 5 Ogos 2026 | Parlimen Malaysia

Salam sejahtera dan salam Malaysia MADANI.

1. Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang (JKPK SUU), Majlis Dewan Negara merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, komitmen dan kerjasama dalam penganjuran ***Simposium Berkenaan Jenayah Berhubung Keselamatan Negara: Menilai Semula Keberkesanan Undang-undang dalam Mendepani Ancaman Semasa dan Hala Tuju Masa Hadapan.***
2. Penganjuran simposium ini merupakan inisiatif julung kali JKPK SUU di bawah kepimpinan saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa. Dalam kesempatan ini, saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa atas komitmen, kerjasama dan sumbangan idea yang telah diberikan dalam menjayakan penganjuran simposium ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang di-Pertua Dewan Negara, YB Senator Dato Awang Bemee bin Awang Ali Basah dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, YB Senator Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed, atas kepimpinan, sokongan dan galakan berterusan terhadap usaha JKPK SUU.

3. Penghargaan khusus ditujukan kepada YB Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), para pembentang dan ahli panel, wakil Kementerian dan agensi Kerajaan, khususnya Majlis Keselamatan Negara (MKN), badan penguatkuasaan, ahli akademik, pengamal undang-undang, pasukan keselamatan, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi serta semua peserta yang telah bersama-sama menjayakan simposium ini.
4. Penganjuran simposium ini merupakan manifestasi komitmen JKPK SUU Dewan Negara untuk memperkukuh fungsi semakan undang-undang melalui pendekatan yang inklusif dan melibatkan pelbagai pemegang taruh. Pada masa yang sama, penganjuran ini turut mencerminkan kerjasama strategik antara JKPK SUU dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam memperkasa perbincangan dan penelitian terhadap isu keselamatan negara dari perspektif dasar, perundangan dan penguatkuasaan.
5. Kerjasama strategik ini amat signifikan memandangkan landskap keselamatan negara pada hari ini semakin kompleks, dinamik dan sentiasa berkembang. Ancaman terhadap keselamatan negara tidak lagi hanya terbatas kepada ancaman fizikal atau keganasan semata-mata, sebaliknya turut merangkumi ancaman siber, penyebaran maklumat palsu dan disinformasi, ekstremisme, jenayah rentas sempadan, campur tangan asing, pengintipan atau espionaj serta pelbagai bentuk ancaman baharu yang muncul seiring dengan perkembangan teknologi dan perubahan geopolitik global.
6. Perkembangan ini menuntut agar kerangka perundangan negara sentiasa dinilai dan ditambah baik supaya kekal relevan, berkesan dan responsif dalam mendepani bentuk-bentuk ancaman yang semakin kompleks. Pada masa yang sama, sebarang usaha memperkukuh undang-undang berkaitan keselamatan negara hendaklah dilaksanakan dengan mengambil kira prinsip kedaulatan undang-undang, perlindungan hak asasi, kepentingan awam serta keperluan untuk memastikan keseimbangan antara keselamatan negara dan kebebasan individu.

7. Dalam hal ini, kerjasama strategik JKPK SUU bersama Majlis Keselamatan Negara merupakan satu langkah yang amat bermakna dalam memperkukuh kefahaman dan penelitian bersama terhadap isu-isu keselamatan negara, khususnya dalam memastikan aspek perundangan sentiasa seiring dengan perkembangan landskap ancaman dan keperluan keselamatan negara. JKPK SUU berharap kerjasama strategik sedemikian dapat terus diperkukuh pada masa hadapan demi menyokong usaha mempertingkatkan ketahanan dan daya tindak negara terhadap pelbagai bentuk ancaman.
8. Ucapan penghargaan turut ditujukan kepada YBrs. Setiausaha Dewan Negara, YBhg. Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia, seluruh warga sekretariat Dewan Negara, urus setia JKPK SUU serta semua pegawai dan kakitangan Parlimen Malaysia yang telah bertungkus-lumus dalam merancang, menyelaras dan memastikan kelancaran keseluruhan penganjuran simposium ini.
9. Akhir kata, saya berharap agar segala hasil perbincangan hari ini dapat diterjemahkan kepada langkah-langkah penambahbaikan yang konkrit dan berkesan dalam memperkukuh kerangka perundangan negara, meningkatkan keupayaan kita mendepani ancaman keselamatan semasa dan masa hadapan, serta pada akhirnya menjamin keselamatan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat serta negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

YB Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol
Pengerusi
Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang (JKPK SUU)
Majlis Dewan Negara
Parlimen Malaysia